

Dunia perlu diamankan semula: Dr Mahathir

BH 15 MAY 2002

Daripada RejalArbee

WASHINGTON DC, Selasa - Dunia perlu diamankan semula. Itulah pesanan yang dibawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemimpin dan rakyat Amerika Syarikat dalam rangka lawatan tiga hari di sini, ibu negara kuasa dunia yang ulung pada masa ini.

Berucap pada satu majlis makan tengah hari yang diberikan Yann, Dipertua Kongres Amerika hari ini, Perdana Menteri menegaskan dunia perlu dijauhi daripada keadaan di mana ramai berperasaan takut kepada suatu keadaan aman di mana manusia tidak lagi berperasaan curiga dan bimbang.

Dr Mahathir turut menguraikan senario dunia kini selepas peristiwa tragik 11 September.

Serangan ganas itu menjadikan ramai yang tidak lagi bersedia ke mana-mana tanpa bimbang atau curiga berbanding masa lalu.

Kini, katanya, ramai yang berasa takut dan bimbang untuk terbang ke tempat yang dekat sekalipun.

Perdana Menteri berkata, orang yang tidak berdosa tidak lagi pasti mereka tidak akan menjadi sasaran atau mangsa serangan ganas hanya kerana mahu bercuti atau menikmati keindahan alam di negara sendiri mahupun di tempat lain.

"Amat Denting sekali keadaan tidak menyenangkan begini dihentikan. Dunia perlu diamankan semula.

"Dunia boleh dibawa untuk menjadi aman sekiranya kita tidak berpegang kepada pendirian bahawa keganasan hanya boleh ditentang dengan keganasan," katanya sambil menambah bahawa keadaan aman damai boleh diwujudkan melalui usaha memupuk perasaan bertimbang rasa supaya persefahaman dan persahabatan boleh dijalin.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga melancarkan Kumpulan Persahabatan Malaysia-Amerika, satu kumpulan dalam Kongres Amerika yang akan berusaha meningkatkan hubungan dan persahabatan di antara kedua-dua negara.

LIHAT MUKA 2

Tidak rugi jika Amerika

DARI MUKA 1

Kumpulan itu diketuai Pengerusi Bersama, Pete Sessions (Republikan-Texas) dan Gregory W Meeks (Demokrat-New York). Jamuan dan pelancaran itu dihadiri tidak kurang 30 anggota Kongres dari kedua-dua parti Republikan dan Demokrat.

Perdana Menteri sebelum itu menandatangani upacara menandatangani deklarasi di antara Malaysia dan Amerika untuk bekerjasama menentang keganasan. Deklarasi itu antara lain menetapkan kedua-dua negara boleh bertukar maklumat mengenai kumpulan pengganas dan mengadakan kerjasama lain dalam usaha membanteras keganasan antarabangsa.

Deklarasi itu ditandatangani Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dan pemangku Setiausaha Negara (Menteri Luar), Richard Armitage.

Dr Mahathir sejak pagi ini mengadakan mesyuarat berasingan dengan Setiausaha Perbendaharaan, Paul O'Neill, Wa-

kil Perdagangan Amerika, Robert Zoellick dan Armitage di Blair House - tempat penginaannya selama di sini - bersebelahan Rumah Putih.

Dr Mahathir berkata, Amerika sememangnya sebuah kuasa gagah dan boleh menggunakan kuasanya bila-bila masa tetapi tidak merugikan sekiranya ia bersikap lembut dan bersahabat untuk mendapatkan sokongan.

Sebagaimana dunia menghendaki diadakan sistem sejagat bagi kemajuan hubungan antarabangsa dan perdagangan, katanya, seluruh dunia juga perlu disatukan untuk memerangi keganasan yang menyalahgunakan peluang yang wujud daripada perkembangan teknologi dan globalisasi.

Perdana Menteri turut menyorot keadaan bagaimana Amerika dan rakyatnya disukai ramai tidak lama dulu hinggakan Malaysia juga terhutang budi kepada negara itu kerana berperanan membebaskannya daripada pendudukan Jepun

ketika Perang Dunia Kedua.

Malah, Dr Mahathir menguraikan peranan Amerika sejak itu sebagai rakan kepada rakyat negara yang berkehendakan kebebasan dan fungsinya menentukan keamanan dunia selepas blok komunis musnah.

"Tetapi kini keadaan sudah berubah. Ramai sudah tidak lagi menganggap Amerika sebagai rakan yang mereka kenal.

"Padahal Amerika dan rakyatnya boleh mengembalikan keadaan itu untuk menjadi rakan sejagat dunia. Apa yang perlu dilakukan hanvajah ia lebih berlembut apabila menghadapi negara atau orang yang degil dan keras kepala.

"Mereka akan bersikap lebih positif terhadap pendekatan yang mahu mewujudkan persahabatan berbanding sikap berkonfrontasi," katanya.

Dr Mahathir berkata, sesiapa pun yang tersepit hingga tidak dapat bergerak, sekalipun yang lemah, akan bangkit melawan hingga sanggup ber-

berlembut: Dr Mahathir

mati-matian.

Perdana Menteri memberi contoh Myanmar di mana seorang rakyat Malaysia (Tan Sri Razali Ismail) diminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memujuk pemerintahan tenteranya agar bersikap lebih demokratik dan berusaha berdamai dengan pemimpin pembangkangnya, Aung San Suu Kyi.

Usaha itu, katanya, sudah menampakkan bibit-bibit kemajuan, dengan beberapa tahanan politik sudah dibebaskan, tetapi ini tidak mudah bagi mereka kerana kini pun sudah ada usaha untuk menggulingkan mereka.

Kerajaan Malaysia, kata Dr Mahathir, walaupun tidak diminta, telah dan sedang berusaha membantu Myanmar bergerak terhadap peralihan itu dengan berusaha mendapat jaminan supaya pemimpin kerajaan tentera sekarang tidak didera seperti dipenjarakan apabila mereka memilih untuk mewujudkan demokrasi.

Beliau berkata, beberapa pemimpin negarayang berjaya dipujuk untuk bersikap lebih demokratik akhirnya dipenjarakan atau ditahan seperti bekas Presiden Bangladesh, Hussain Muhammad Ershad, dan bekas Presiden Korea Selatan, Chun Doo-hwan yang dihukum mati.

Demikian juga keadaan yang dihadapi bekas Presiden Suharto tidak mendorong seseorang diktator mahu melepaskan kuasanya.

Dr Mahathir berkata, usaha demikian mengambil masa dan memerlukan kesabaran tetapi malangnya Barat berkehendakan hasil yang cepat.

"Demokrasi jika diwujudkan dengan segera kepada" orang yang belum bersedia boleh menjejaskan kestabilan, malah membawa kepada pertempuran," katanya.

Perdana Menteri menegaskan bahawa demokrasi hanyalah suatu usaha untuk mencapai matlamat memberi kesejahteraan kepada rakyat walhal demokrasi itu sendiri bukanlah

matlamat akhirnya.

Dr Mahathir juga menguraikan perbezaan di antara kebebasan yang difahami rakyat Amerika dengan apa yang rakyat Malaysia mahukan sambil menegaskan tidak semua kebebasan yang rakyat Amerika nikmati, dihendaki rakyat Malaysia.

"Kedua-dua pihak harus menghormati perbezaan antara budaya, nilai dan pendirian masing-masing dalam banyak hal. Mereka perlu bertoleransi dan ini boleh menjamin mereka hidup dalam suasana aman dan berbaik-baik," katanya.

Beliau juga memberi contoh di Malaysia bagaimana tiga bangsa berasingan dengan budaya, bahasa dan agama berbeza boleh hidup aman damai kerana mereka masing-masing bersikap toleransi dan sensitif terhadap perbezaan antara mereka.

Dr Mahathir tiba di sini petang semalam dengan jet khas melalui Pangkalan Tentera Udara Andrew dan pada malamnya

menghadiri perbincangan dan jamuan dengan Pertubuhan Pertukaran Amerika-Malaysia (US-MEA) di Metropolitan Club. US-MEA adalah satu kumpulan pelobi berpengaruh untuk Malaysia yang ditubuhkan tahun lalu.

Antara yang hadir pada perjumpaan itu termasuk Setiausaha Buruh, Elaine Chao, dan beberapa Ahli Senat serta bekas Duta Besar dan bekas anggota pentadbiran (menteri), bekas-bekas Presiden George H W Bush (bapa Presiden Bush sekarang), Ronald Reagan dan Bill Clinton seperti Jeane Kirkpatrick, Larry Eagleburger, Tom Foley, Edwin Meese dan Jen Brent Scowcroft.

Jamuan itu diberikan Dr Edwin Feulner, Presiden Heritage Foundation. Turut hadir ialah Tan Sri Megat Junid Megat Ayob yang juga Pengerusi US-MEA, naib pengerusi bersama, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, dan bekas Senator Malcolm Wallop yang juga pengerusi pertubuhan Frontiers of Freedom.